

PERANAN JURULATIH TERHADAP KEBERKESANAN LATIHAN PEGAWAI KADET PALAPES UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

Norfazira Azman
norfaziraazman@gmail.com

Noor Azmi Mohd Zainol
noorazmi@upnm.edu.my

Zahimi Zainol Abidin
zahimi@upnm.edu.my

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengukur peranan jurulatih terhadap keberkesanan latihan. Peranan jurulatih merupakan salah satu faktor yang penting di dalam melatih anggota tentera menjadi seorang pemimpin pada masa akan datang. Tinjauan mendalam terhadap literatur mendapatkan bahawa beberapa permasalahan yang dihadapi oleh jurulatih ialah, (1) kaedah pengajaran yang menarik perhatian pelatih; (2) kemampuan komunikasi oleh jurulatih; dan (3) sikap yang ditunjukkan dalam mempengaruhi tindakan pelatih. Ketiga-tiga elemen ini didapati mempunyai pengaruh terhadap keberkesanan latihan. Dalam kajian ini, pengujian terhadap 278 sampel menggunakan borang soal selidik sebagai prosedur utama yang terdiri daripada ketiga-ketiga peringkat Pegawai Kadet PALAPES iaitu *Junior*, *Intermediate*, dan *Senior* dengan menggunakan analisis laluan model *SmartPLS* versi 3.2.5 bagi menguji model kesan langsung dan model pemboleh ubah mencelah. Dapatkan pengujian hipotesis model kesan langsung menunjukkan bahawa ketiga-tiga elemen bagi peranan jurulatih (kaedah pengajaran, komunikasi dan sikap) mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanan latihan. Ini membuktikan bahawa peranan jurulatih mampu bertindak sebagai peramal yang penting kepada keberkesanan latihan dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES. Manakala, analisis terhadap model pemboleh ubah mencalah menghasilkan dapatkan bahawa motivasi latihan memberi kesan sebagai pemboleh ubah mencalah dalam hubungan tersebut dan menunjukkan perhubungan di antara peranan jurulatih dengan motivasi latihan dapat meningkatkan lagi keberkesanan latihan yang terbaik dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES. Kesimpulannya, ketiga-tiga elemen peranan jurulatih iaitu kaedah pengajaran, komunikasi dan sikap mampu mempengaruhi peningkatan motivasi latihan para pelatih seterusnya mendorong kepada keberkesanan latihan yang berjaya.

Kata kunci: *Kaedah Pengajaran, Komunikasi, Sikap, Motivasi Latihan, Keberkesanan Latihan.*

PENGENALAN

Latihan dan jurulatih mempunyai hubungan yang rapat terutamanya dalam bidang ketenteraan. Latihan menjadi faktor utama di dalam membina kekuatan fizikal dan mental seorang anggota tentera dan tidak berkesan jika tiada kewujudan jurulatih yang bertindak dalam menguruskan dan memantau latihan yang diberikan. Menurut Noe (2014), kejayaan sesebuah program latihan bergantung kepada beberapa elemen di mana salah satu elemen adalah peranan jurulatih yang menentukan objektif dan matlamat latihan supaya dapat dicapai sehingga ke peringkat maksima dan ganjarannya dapat dipraktikkan oleh peserta dalam melaksanakan tugas. Tujuan utama jurulatih di dalam program latihan adalah melatih seseorang individu bagi membentuk kemahiran di dalam memimpin terutamanya di dalam pelbagai suasana yang makin mencabar pada masa akan datang (Azman *et al.*, 2015). Masalah utama yang selalu berlaku di dalam latihan yang diadakan adalah kehadiran pelatih berada di tahap yang merosot. Kemerosotan tahap kehadiran pelatih untuk latihan yang diadakan telah dipengaruhi oleh sistem pemantauan yang lemah di setiap peringkat dan juga kemudahan latihan yang kekurangan alat-alat bantuan mengajar yang lengkap dan moden.

Pemilihan kaedah yang sesuai oleh jurulatih semasa proses pengajaran dan pembelajaran memberi kesan yang mendalam kepada kefahaman penuntut. Menurut Johansson (2017) dan Langan (2015), pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran akan menjadi masalah sekiranya faktor persediaan seseorang jurulatih di dalam menyampaikan ilmu dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap tidak mencukupi. Tambahan lagi, jurulatih juga perlu mahir dalam berkomunikasi bagi menarik perhatian penuntut di dalam menyampaikan ilmu. Ini disebabkan kerana komunikasi dan latihan mempunyai hubungkait yang rapat di mana segala isi kandungan latihan disampaikan melalui proses komunikasi dan sesebuah latihan akan mencapai objektif sekiranya pelatih memahami maklumat yang disampaikan (Radtke, Tate & Happ, 2012). Selain itu, menurut Terziev dan Nichev (2017), kehidupan pelatih di program latihan sewaktu menjalani latihan memberi peluang kepada pelatih bagi memantapkan lagi disiplin diri yang terhasil daripada kemampuan peribadi jurulatih dalam mendidik. Jurulatih yang berpengalaman lebih mengetahui kaedah pengajaran yang sesuai untuk menarik perhatian pelatih menimba ilmu dengan mengaplikasikan sikap yang baik semasa mengajar.

Jurulatih yang terlibat dalam melaksanakan program latihan yang khusus untuk pelatih hendaklah menerangkan terlebih dahulu akan manfaat yang akan diperolehi oleh pelatih di mana manfaat tersebut akan melatih diri pelatih untuk memberi komitmen yang terbaik sekaligus mendapatkan keberkesanannya latihan yang terbaik. Kajian terdahulu juga telah membuktikan program latihan mempunyai hubungkait dengan keberkesanannya latihan dan di dalam masa yang sama dipengaruhi oleh motivasi latihan (Azman *et al.*, 2011; Mullen *et al.*, 2006; Noor Azmi *et al.*, 2019; Patrick *et al.*, 2009). Keupayaan jurulatih di dalam melaksanakan latihan dan juga menyediakan rangka latihan yang mengandungi maklumat yang jelas akan mempengaruhi pelatih untuk menimba ilmu pengetahuan baru, memperbaiki kemahiran terkini dan membentuk peribadi yang positif terhadap tugas.

Di samping itu, menurut Shenge (2014), peratusan seseorang untuk mengaplikasikan ilmu yang diperoleh daripada pembelajaran semasa latihan amat rendah. Ianya merupakan permasalahan yang selalu dihadapi selepas menjalani latihan untuk pelatih mempraktikkan apa yang telah dipelajari semasa latihan. Program latihan yang tidak berkesan akan mempengaruhi pelatih untuk tidak mempraktikkan dengan baik segala ilmu yang diperolehi di tempat kerja. Disebabkan itu, analisa keperluan latihan perlu dititikberatkan dalam membuat perancangan latihan bagi memastikan keberkesanan latihan yang dilaksanakan. Perancangan latihan terdiri daripada pencapaian matlamat, garis panduan dalam merancang dan merekabentuk latihan yang menekankan kepada pembelajaran tertentu dan perlaksanaan mengikut aturcara dan jadual yang telah ditetapkan.

Jurulatih akan memberi pengaruh yang besar di dalam mewujudkan keseronokan, kepuasan dan penyertaan berterusan seseorang dalam melibatkan diri dalam latihan (Ehsani *et al.*, 2013; Khong Chiu *et al.*, 2014). Di situlah akan menampakkan pentingnya peranan jurulatih dalam sesuatu latihan dalam melatih pelatih bagi mendapatkan keberkesanan latihan yang akan diperoleh oleh pelatih semasa melaksanakan tugas.

Dalam ketenteraan Islam, contoh yang paling terbaik mengenai peranan jurulatih adalah kisah Sultan Muhammad Al-Fateh. Beliau merupakan seorang tokoh Islam yang telah membenarkan hadis Nabi Muhammad SAW yang pernah bersabda, “Kota Konstantinopel akan jatuh ke tangan Islam. Pemimpin yang menaklukinya adalah sebaik-baik pemimpin dan pasukan yang berada di bawah pimpinannya adalah sebaik-baik pasukan.”(H.R. Ahmad bin Hambal Al-Musnad 4/335). Sultan Muhammad Al-Fateh memainkan peranan sebagai seorang sultan dan juga merangkap sebagai ketua tentera yang berjaya mengalahkan Constantine IX, menembusi garisan pertahanan Byzantine dan menakluki Konstantinopel yang sebelum ini tidak berjaya dilakukan oleh sultan-sultan dan panglima-panglima Islam (Ezad Azraai Jamsari *et al.*, 2014).

Sultan Murad iaitu ayah kepada Sultan Muhammad Al-Fateh meletakkan harapan kepada anaknya dengan mendidiknya secara khusus sejak berumur 6 tahun dan mempersiapkannya untuk menjadi pengganti dirinya. Pada usia 8 tahun, Sultan Muhammad Al-Fateh telah diterapkan dalam dirinya dengan ayat-ayat Al-Quran serta menghafalnya yang dipantau oleh Syeikh Ahmad bin Ismail Al-Kurani, seorang ulama pada masa itu. Selain itu, ulama lain yang terlibat di dalam pembentukan diri Sultan Muhammad Al-Fateh adalah Syeikh Syamsuddin Al-Wali yang telah mendidik muridnya dengan disiplin yang cukup kuat, latihan yang mengekang hawa nafsu, dan membentuk mental Sultan Muhammad Al-Fateh sebagai seorang penakluk Kota Konstantinopel dengan menceritakan kepahlawanan para sahabat dan juga penakluk awal seperti Umar Al-Khattab, Khalid Al-Walid, Abu Ubaidah bin Al-Ayyubi dan pahlawan Islam yang lain (Felix Y. Siauw, 2017). Beliau dididik untuk memiliki cita-cita besar iaitu menepati janji Tuhan melalui hadis Rasulullah S.A.W bagi menakluk Kota Konstantinopel. Sultan Murad juga menghadirkan

panglima-panglima yang berpengalaman untuk mendidik anaknya untuk mahir dalam ilmu peperangan.

Dan akhirnya, setelah diterapkan pelbagai ilmu, melaksanakan pelbagai latihan dan memantapkan segala kemahiran, Sultan Muhammad Al-Fateh bersama tentera Islam telah berjaya menakluki Kota Konstantinopel semasa usianya berumur 21 tahun (Ammalina & Roziah, 2014; Ezad et al., 2014). Di sini jelas menunjukkan bahawa peranan jurulatih di dalam pembentukan kecemerlangan Sultan Muhammad Al-Fateh melalui latihan berterusan yang diaturkan oleh ayahnya, Sultan Murad dengan menghadirkan beberapa ulama dan panglima-panglima selaku jurulatih untuk menerapkan pelbagai ilmu dan kemahiran kepada Sultan Muhammad Al-Fateh sehingga berjaya menawan Kota Konstantinopel bersama tentera Islam yang akhirnya membenarkan hadis Rasulullah S.A.W.

METODOLOGI

2.1 *Rekabentuk Kajian*

Kaedah keratan rentas (*cross-sectional design*) digunakan dalam kajian ini di mana kaedah ini membenarkan pengkaji menggunakan kajian literatur, kajian rintis dan kajian soal selidik sebagai prosedur utama dalam pengumpulan data kajian. Penggunaan kaedah keratan rentas ini dapat membantu dalam penambahbaikan kekurangan penggunaan satu kaedah kajian, membantu mengumpulkan data kajian dengan tepat, mengurangkan pilih kasih dalam pengumpulan data serta dapat meningkatkan kualiti data yang dikumpul (Sekaran & Bougie, 2010; Cresswell, 2014).

Kajian ini menjurus kepada Pegawai Kadet PALAPES Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang terdiri daripada tiga peringkat iaitu Peringkat Satu/*Junior*, Peringkat Dua/*Intermediate* dan Peringkat Tiga/*Senior*. Jurulatih yang terlibat untuk melatih Pegawai Kadet PALAPES terdiri daripada anggota tetap dari unit yang diberi amanah untuk melatih mahasiswa dan mahasiswi sewaktu menjalani latihan PALAPES.

2.2 *Kajian Rintis*

Menurut Yunus (2015), bagi mengukur ketekalan ukuran setiap item di dalam soalan soal selidik, kajian rintis dijalankan bagi mengurangkan kesalahan dalam kajian sebenar kerana kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan perlu diuji terlebih dahulu. Kajian rintis membawa maksud kajian yang dijalankan secara kecil-kecilan sebelum kajian sebenar dilakukan. Kajian rintis telah dilaksanakan dalam masa sebulan yang melibatkan seramai 30 orang Pegawai Kadet PALAPES Peringkat Tiga/*Senior* selaku responden dalam kajian ini. Borang soal selidik diedarkan sewaktu Latihan Tempatan dijalankan dengan mengumpulkan kesemua responden pada satu masa yang ditetapkan. Soal selidik kajian rintis ini terdiri daripada 61 soalan

yang merangkumi faktor demografi, kaedah pengajaran, komunikasi, sikap, motivasi latihan dan keberkesanan latihan.

2.3 Kajian Sebenar

Kajian sebenar dilakukan setelah proses membina soalan, mereka bentuk skala item-item agar bersesuaian dengan kepelbagaiannya tahap pemahaman dan budaya ketenteraan yang diubah selepas kajian rintis dilakukan. Perkara yang amat penting di dalam kajian adalah proses pembentukan soal selidik, pemilihan soal selidik dan instrumen yang tepat. Pengumpulan data kajian dilakukan dengan menggunakan borang soal selidik berdasarkan Skala Likert yang mengandungi lima jawapan pilihan bagi mengukur kesemua item kajian ini sebagaimana yang terkandung dalam borang soal selidik.

Borang soal selidik kajian ini dibahagikan kepada enam bahagian. Bahagian pertama merupakan data demografi yang merangkumi enam item di mana ia berkaitan dengan ciri-ciri responden yang merangkumi jantina, umur, agama, fakulti pengajian, bangsa, dan tahun pengajian. Kedua ialah kaedah pengajaran yang mempunyai 13 item yang diadaptasikan daripada literatur kajian yang berkaitan kaedah pengajaran (Rasidah, 2007; Sapie *et al.* 2014). Ketiga, komunikasi yang diukur dengan 10 item diadaptasikan daripada literatur kajian komunikasi (Azlina, 2010). Keempat, sikap yang mempunyai 11 item diubahsuai daripada kajian literatur berkenaan dengan sikap (Suhana *et al.* 2016). Kelima, motivasi latihan yang diukur dengan 11 item yang diubahsuai daripada kajian literatur motivasi latihan (Azman *et al.* 2015). Akhir sekali adalah keberkesanan latihan yang mempunyai 10 item yang diambil daripada literatur kajian keberkesanan latihan (Abdul Ghafar *et al.*, 2015).

Kajian sebenar telah dilaksanakan setelah mendapat kelulusan dari Ketua Jurulatih Batalion PALAPES UPNM. Kajian sebenar telah dijalankan kepada 278 Pegawai Kadet PALAPES yang terdiri dari ketiga-tiga peringkat iaitu Peringkat Satu/Junior, Peringkat Dua/Intermediate dan Peringkat Tiga/Senior yang dilakukan secara berperingkat sewaktu latihan dilaksanakan.

2.4 Analisis Data

Data yang diperolehi daripada borang-borang soal selidik yang telah diedarkan akan dianalisis terlebih dahulu dengan menggunakan pakej *Smart Partial Least Square (SmartPLS)* versi 3.2.5. Menurut Ringle *et al.* (2005) dan Henseler *et al.* (2009) mencadangkan bahawa pakej perisian ini sangat sesuai digunakan di mana ianya merupakan satu pakej statistik yang terbaru dalam menganalisis data bagi memperolehi hasil yang tepat dan boleh dipercayai. Malah, pakej ini juga digunakan untuk menganalisis kesepadan model pengukuran dengan melakukan analisis pengesahan faktor dan seterusnya menguji hipotesis kajian yang terdapat di dalam kajian ini. Pakej ini mempunyai beberapa kelebihan iaitu dengan menggunakan analisis laluan (path analysis),

analisis data dapat dilakukan secara serentak terhadap model pengukuran sama ada reflektif dan formatif, tidak memerlukan data yang bertaburan normal, mampu menganalisis data yang terdiri daripada persampelan kecil, akhir sekali mesra pengguna di mana mempunyai paparan antara muka yang menarik (Ringle *et al.*, 2005; Henseler *et al.*, 2009; Henseler, 2010).

Analisis pengesahan faktor dijalankan terlebih dahulu bagi menentukan analisis kesepadan model pengukuran dengan data kajian yang diperolehi. Tujuannya adalah untuk memastikan setiap konstruk yang diwakili oleh item-item soal selidik di dalam model kajian adalah sah dan boleh dipercayai. Menurut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Ringle *et al.* (2005) dan Henseler *et al.* (2009), model pengukuran dengan data kajian akan dianalisis kesesuaian dengan melakukan analisis pengesahan faktor. Analisis ini berperanan di dalam mengenal pasti tahap kesahan dan kebolehpercayaan konstruk-konstruk dalam model kajian iaitu kaedah pengajaran, komunikasi, sikap, motivasi latihan dan keberkesanannya latihan (Chua, 2009; Gefen & Straub, 2005).

Di dalam kajian ini, pengujian hipotesis kajian dilakukan dengan menggunakan analisis laluan (path analysis) untuk menilai model struktural mengikut kepada nilai ganda dua (R^2), nilai piawaian beta (β) dan statistik t (t) dengan menggunakan kaedah *bootstrapping* (Hair *et al.*, 2017). Nilai β ($t > 1.96$) membuktikan bahawa di antara pembolehubah mempunyai hubungan yang signifikan manakala nilai R^2 yang diperolehi daripada hasil pengujian menunjukkan kekuatan sesebuah model perhubungan (Henseler *et al.*, 2009; Chin, 2010). Nilai yang mencapai tahap yang teguh adalah $R^2 = 0.67$ manakala nilai yang sederhana adalah pada tahap 0.33 dan nilai 0.19 dikategorikan sebagai lemah (Hair *et al.*, 2014; Henseler *et al.*, 2009). Menurut Hair *et al.* (2017), dalam model struktural, bagi menguji kesan pembolehubah mencelah telah mengkategorikan hubungan-hubungan seperti berikut: (1) **Tanpa Kesan Mencelah:** (a) Hubungan langsung tanpa mencelah: Hanya hubungan langsung signifikan; dan (b) Tiada hubungan langsung dan mencelah: Kesemua hubungan tidak signifikan; (2) **Kesan Mencelah:** (a) Komplementari (Mencelah Separa): Hubungan langsung dan mencelah signifikan secara positif; (b) Kompetitif (Mencelah Separa): Hubungan langsung dan mencelah signifikan secara negatif; dan (c) Mencelah Penuh: Hubungan mencelah signifikan dan hubungan langsung tidak signifikan.

DAPATAN KAJIAN

3.1 Profil Sampel Kajian

Jadual 1 menunjukkan taburan ciri-ciri responden. Daripada 308 set borang soal selidik yang diedarkan, hanya 278 sampel yang boleh digunakan. Ciri-ciri responden kebanyakannya terdiri daripada Pegawai Kadet Wanita (65.5%) yang berumur dalam lingkungan 21-25 tahun (59.0%), beragama Islam (93.5%), dari Fakulti Pengurusan dan Pengajian Pertahanan (FPPP) (39.9%), berbangsa Melayu (91.7%) dan kebanyakannya dari Pegawai Kadet peringkat Junior iaitu Tahun Satu (59.7%) yang mengisi soal selidik disebabkan jumlah kekuatan mereka lebih banyak berbanding peringkat lain.

Jadual 1: Ciri-ciri Responden dan Profil Sampel Kajian Sebenar (n=278)


| Profil Responden | Sub-Profil | Kekerapan | Peratusan |
|------------------|------------------|-----------|-----------|
| Jantina | Lelaki | 96 | 34.5 |
| | Perempuan | 182 | 65.5 |
| Umur | Bawah 20 tahun | 113 | 40.6 |
| | 21 – 25 tahun | 164 | 59.0 |
| | 26 – 30 tahun | 1 | 0.4 |
| | 30 tahun ke atas | - | - |
| Agama | Islam | 260 | 93.5 |
| | Hindu | 11 | 4.0 |
| | Buddha | 5 | 1.8 |
| | Kristian | 2 | 0.7 |
| | Sikh | - | - |
| Fakulti | FPPP | 111 | 39.9 |
| | FSTP | 66 | 23.7 |
| | FKJ | 62 | 22.3 |
| | FPKP | 39 | 14.0 |
| Bangsa | Melayu | 255 | 91.7 |
| | India | 11 | 4.0 |
| | Cina | 5 | 1.8 |
| | Lain-lain | 7 | 2.5 |
| Tahun | Satu | 166 | 59.7 |
| | Dua | 101 | 36.3 |
| | Tiga | 11 | 4.0 |

Nota:

- FPPP : Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
 FSTP : Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan
 FKJ : Fakulti Kejuruteraan
 FPKP : Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan

3.2 Analisis Pengesahan Faktor

Rajah 1 menunjukkan analisis pengesahan faktor yang menentukan analisis kesepadan model pengukuran dengan data kajian yang diperolehi untuk memastikan setiap konstruk yang diwakili oleh item-item di dalam model pengukuran adalah sah dan boleh dipercayai. Nilai-nilai kesahan konvergen, diskriminan dan kebolehpercayaan item akan diperolehi melalui prosedur ini yang akan dibincangkan dalam Jadual 2.



Rajah 1: Analisis Pengesahan Faktor

Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian kesahan konvergen, diskriminan dan kebolehpercayaan item. Dapatan analisis kajian menunjukkan korelasi di antara item dengan konstruk mempunyai pemberat faktor dari 0.777 hingga 0.881 dan membuktikan bahawa item-item bagi setiap konstruk telah mencapai tahap yang baik, efektif dengan konsisten yang tinggi di mana ianya telah mencapai piawaian yang telah ditetapkan (Bond & Fox, 2015). Bagi nilai *average variance extracted* (AVE) setiap konstruk berada di antara 0.645 dan 0.731 dan menunjukkan item telah mencapai nilai pemuatan faktor yang disyorkan melebihi 0.7 walaupun terdapat satu item yang tidak mencapai nilai pemuatan faktor seperti yang disyorkan, ia masih dikekalkan kerana nilai AVE bagi setiap konstruk telah melebihi nilai 0.5 (Hair et al., 2014; Ringle et al., 2015). Bagi ujian kesahan diskriminan, nilai \sqrt{AVE} yang ditunjukkan secara diagonal adalah lebih besar daripada korelasi di antara konstruk yang lain yang ditunjukkan secara tidak diagonal dan membuktikan bahawa konstruk-konstruk kajian telah mencapai kriteria kesahan diskriminan (Henseler et al., 2015). Selain itu, nilai kebolehpercayaan komposit dan Alpha Cronbach yang melebihi 0.80 dan ini bermakna skala pengukuran setiap item mempunyai ketekalan dalaman yang tinggi (Henseler et al., 2015; Chua, 2006).

Jadual 2: Keputusan Ujian Kesahan Konvergen, Diskriminan dan Kebolehpercayaan Item

| | Jumlah Item | Pembentuk Faktor | Kebolehpercayaan Komposit | Alpha Cronbach s | AVE | KP | K | S | ML | KL |
|-------------------------------|-------------|------------------|---------------------------|------------------|-------|--------------|--------------|---|----|----|
| Kaedah Pengajaran (KP) | 7 | 0.823-0.860 | 0.946 | 0.933 | 0.713 | 0.845 | | | | |
| Komunikasi (K) | 6 | 0.797-0.879 | 0.940 | 0.924 | 0.731 | 0.712 | 0.855 | | | |

| | | | | | | | | | | |
|----------------------------------|----|-------------|-------|-------|-------|-------|-------|--------------|--------------|--------------|
| Sikap (S) | 5 | 0.777-0.820 | 0.901 | 0.862 | 0.725 | 0.800 | 0.746 | 0.851 | | |
| Motivasi Latihan (ML) | 11 | 0.811-0.881 | 0.967 | 0.962 | 0.727 | 0.708 | 0.785 | 0.734 | 0.853 | |
| Keberkesanan Latihan (KL) | 9 | 0.812-0.874 | 0.961 | 0.954 | 0.645 | 0.798 | 0.723 | 0.790 | 0.728 | 0.803 |

Nota: \sqrt{AVE} yang ditunjukkan secara diagonal

3.3 Keputusan Pengujian Hipotesis

Jadual 3 menunjukkan ringkasan keputusan pengujian hipotesis yang menggunakan kaedah *bootstrapping*. Bagi hipotesis kesan langsung, hasil pengujian menemukan tiga penemuan penting, iaitu: pertama, kaedah pengajaran mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanannya latihan ($\beta=0.713$; $t>19.056$), kedua, komunikasi mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanannya latihan ($\beta=0.747$; $t>21.315$), dan ketiga, sikap juga mempunyai hubungan yang signifikan dengan keberkesanannya latihan ($\beta=0.725$; $t>19.282$). Oleh itu, H1, H2 dan H3 diterima. Selain itu, hubungan kesan pemboleh ubah mencelah telah dinilai dengan menguji peranan motivasi latihan di dalam model kajian. Dapatkan pengujian yang diperolehi menunjukkan bahawa hubungan di antara kaedah pengajaran (H4), komunikasi (H5) dan sikap (H6) dengan motivasi latihan adalah signifikan, iaitu H4 ($\beta=0.708$; $t>13.624$), manakala H5 ($\beta=0.734$; $t>14.714$) dan H6 ($\beta=0.728$; $t>15.965$). Seterusnya, hubungan di antara motivasi latihan dengan keberkesanannya latihan menunjukkan nilai yang signifikan ($\beta=0.516$; $t>4.085$). Ini membuktikan bahawa motivasi latihan berupaya bertindak sebagai pemboleh ubah mencelah dalam hubungan di antara kaedah pengajaran, komunikasi dan sikap dengan keberkesanannya latihan. Walau bagaimanapun, dapatan pengujian model pemboleh ubah mencelah ini secara umumnya telah membuktikan bahawa motivasi latihan dikategorikan sebagai kesan mencelah **komplementari (mencelah separa)**; iaitu hubungan langsung dan mencelah signifikan secara positif (Hair et al., 2017). Dari aspek kekuatan model, kemasukan motivasi latihan ke dalam analisis telah menyumbang sebanyak 67.9 peratus terhadap perubahan di dalam keberkesanannya latihan dan pencapaian ini dianggap teguh (Hair et al., 2014).

Jadual 3: Ringkasan Pengujian Hipotesis

| | β | t | p | R² |
|--|---------------------------|----------|----------|----------------------|
| Kaedah Pengajaran → Keberkesanannya Latihan | 0.713 | 19.056 | 0.000 | 0.508 |
| Komunikasi → Keberkesanannya Latihan | 0.747 | 21.315 | 0.000 | 0.558 |
| Sikap → Keberkesanannya Latihan | 0.725 | 19.282 | 0.000 | 0.526 |

| | | | | |
|--|-------|--------|-------|-------|
| Kaedah Pengajaran → Motivasi Latihan | 0.708 | 13.624 | 0.000 | 0.501 |
| Komunikasi → Motivasi Latihan | 0.734 | 14.714 | 0.000 | 0.539 |
| Sikap → Motivasi Latihan | 0.728 | 15.965 | 0.000 | 0.530 |
| Motivasi Latihan → Keberkesanan Latihan | 0.516 | 4.085 | 0.000 | 0.679 |

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI

Dapatan pengujian model boleh ubah mencelah telah menunjukkan bahawa perhubungan di antara peranan jurulatih dengan motivasi latihan dapat meningkatkan lagi keberkesanan latihan yang terbaik dalam kalangan Pegawai Kadet PALAPES UPNM. Peranan jurulatih memainkan peranan penting di dalam memastikan Pegawai Kadet PALAPES mempunyai semangat untuk menghadiri latihan bukan hanya sekadar untuk mendapatkan elauh, malah untuk memantapkan lagi ilmu dan kemahiran sebagai seorang pemimpin. Keadaan ini membuktikan bahawa peranan jurulatih bertanggungjawab untuk memperbaiki kaedah pengajaran, kemampuan berkomunikasi dan juga sikap supaya ianya mendorong motivasi Pegawai Kadet PALAPES untuk menghadiri latihan dan akhirnya menghasilkan keberkesanan latihan yang terbaik pada masa akan datang.

Implikasi bagi kajian ini terbahagi kepada tiga iaitu: implikasi terhadap teori, implikasi terhadap pemantapan kaedah penyelidikan, dan implikasi terhadap pengamal sumber manusia. Dari segi implikasi terhadap teori, kajian telah menemukan dua dapatan penting yang menyumbang dari sudut perspektif teoretikal di dalam sumber pengurusan manusia serta memperkuuhkan lagi peranan motivasi latihan di dalam model-model pembinaan dalam kepimpinan organisasi. Pertama, kaedah pengajaran, komunikasi dan sikap mempunyai hubungan yang positif dengan keberkesanan latihan (Roslee & Muazzin, 2016; Kamaruzzaman & Che Mahzan, 2017; Fadillah & Nasir, 2016). Kedua, kemasukan motivasi latihan sebagai boleh ubah mencelah turut memberi kesan dalam hubungan kaedah pengajaran, komunikasi dan sikap dengan keberkesanan latihan (Goudarzi *et al.*, 2018; Noor Azmi *et al.*, 2019; Smit dan Merwe; 2018).

Implikasi bagi pemantapan kaedah penyelidikan, analisis kesepadan model pengukuran telah ditentukan terlebih dahulu dengan melakukan analisis pengesahan faktor dengan data kajian yang diperolehi. Akhirnya, tahap kesahan dan kebolehpercayaan bagi data yang diperolehi telah mencapai tahap piawai yang telah ditetapkan. Selain itu, implikasi bagi pengamal sumber manusia, dapatan kajian yang diperolehi dapat digunakan sebagai panduan bagi membantu pihak pengurusan dalam meningkatkan keberkesanan latihan. Kekurangan kajian terdahulu mengenai motivasi latihan di dalam bidang ketenteraan yang dibicarkan dengan lebih terperinci. Jadi, kajian ini telah melibatkan motivasi latihan sebagai boleh ubah mencelah yang memberi pengaruh kepada peranan jurulatih di dalam menghasilkan keberkesanan latihan. Seorang jurulatih harus memiliki tiga faktor iaitu kaedah pengajaran yang sesuai, kemampuan komunikasi yang berkesan dan sikap yang terbaik bagi melatih pelatih di mana ianya akan menentukan sejauh mana seorang

pelatih memperolehi motivasi untuk meneruskan latihan sehingga ke akhir latihan dan akhirnya akan menunjukkan sejauh mana keberkesanan latihan itu tercapai.

KESIMPULAN

Kajian ini telah mengemukakan sebuah kerangka konseptual berdasarkan kepada kajian sarjana terdahulu yang berkaitan dengan program latihan dan peranan jurulatih. Skala pengukuran kajian ini telah mencapai piawaian kesahan dan kebolehpercayaan setiap item pemboleh ubah yang telah ditetapkan melalui dapatan analisis pengesahan faktor. Malah, dapatan pengujian model kesan langsung juga telah menunjukkan bahawa elemen-elemen peranan jurulatih merupakan penyumbang penting kepada keberkesanan latihan. Motivasi latihan yang bertindak sebagai pemboleh ubah mencelah juga telah di analisis dan menghasilkan dapatan yang turut memberi kesan kepada hubungan tersebut. Selain itu, hasil daripada pengujian ke atas data yang diperolehi telah menunjukkan bahawa elemen-elemen peranan jurulatih iaitu kaedah pengajaran, komunikasi dan sikap mampu mempengaruhi peningkatan motivasi latihan para pelatih seterusnya mendorong kepada keberkesanan latihan yang berjaya. Akhir sekali, dapatan kajian ini ingin mencadangkan supaya para jurulatih yang menguruskan latihan supaya menitikberatkan mengenai motivasi latihan dan juga keberkesanan latihan para pelatih supaya dapat melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang mempunyai kepimpinan yang terbaik sekaligus melahirkan generasi Al-Fateh pada masa akan datang.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Universiti Pertahanan Nasional Malaysia melalui Geran Penyelidikan Jangka Pendek 2019-2021 bertajuk “Dimensi-dimensi Kejayaan Sultan Muhammad Al-Fateh Dalam Penaklukan Kota Konstantinopel” (UPNM/2019/GPJP/SSI/1).

RUJUKAN

- Abdul Ghafar, D., Ab.Halim, T., Supyan, H., & Mohd Aderi, C.N. (2015). Penilaian keberkesanan kursus pusat latihan pengurusan pendidikan islam Institut Latihan Dan Dakwah Selangor (ILDAS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2 (3), 2289-9669.
- Ammalina Dalillah, M.I., & Roziah, S. (2014). Impact of Uthmaniyyah Scientific Advancement in the Era of Sultan Muhammad alFatih (Mehmed the Conqueror) towards the Uthmaniyyah Scientific Zenith. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, Vol 5 No. 29, MCSER Publishing, Rome-Italy, 81-86.
- Azrina, H. (2010). Hubungan antara komunikasi dalam organisasi terhadap kepuasan kerja. *Projek Sarjana Muda Pembangunan Sumber Manusia*, Universiti Malaysia Sarawak.
- Azman, I., Nurul Afiqah, F., Rizal, A.B., Norzanah, M.N., & Herwina, R. (2015). Training motivation as mediator of the relationship between training administration and training transfer. *Jurnal Pengurusan*, 97-106.

- Azman, I., Fazilatulaili, A., Afiqah, S.N.F. & Hua, N.K. (2011). Supervisor's role in training programs and its relationship with training transfer. *Prosiding International Management Conference (IMaC2011)*. Taman Tamadun Islam, Kuala Terengganu, Terengganu.
- Azman, I., Nurul Afiqah, F., Rizal, A.B., Norzanah, M.N., & Herwina, R. (2015). Training motivation as mediator of the relationship between training administration and training transfer. *Jurnal Pengurusan*, 97-106.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). Applying The Rasch Model fundamental measurement in the human sciences. *Routledge & T. & F. Group, Eds.* (Third Edit). New York & London.
- Chin, W.W. (2010). Bootstrap cross-validation indices for PLS path model assessment. *Handbook PLS and Marketing*, disunting oleh V. Esposito, W. Chin, J. Hensler & H. Wold. Berlin, Heidelberg, New York: Springer.
- Chua, Y. P. (2006). Kaedah penyelidikan. Kuala Lumpur: McGraw Hill Sdn. Bhd.
- Chua, Y.P. (2009). Statistik penyelidikan lanjutan: ujian regresi, analisis faktor dan analisis sem. Kuala Lumpur: McGraw Hill Sdn. Bhd.
- Cresswell, J. W. (2014). Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions. SAGE publications, London, United Kingdom.
- Ehsani & Mohammad. (2013). 'The relationship between perceived power sources of coaches and satisfaction of Iranian Elite Judokas'. *International Journal of Sport Studies*, 3(3), pp.292-298.
- Ezad Azraai, J., Ammalina, D.M.I., & Mohamad Zulfazdlee, A.H.A. (2014). Sultan Muhammad al-Fatih: Uthmaniyyah's Great Strategic Planner. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 20 (12), 2158-2163.
- Fadillah, I., & Nasir, M. (2016). Kompetensi jurulatih XYZ. *Prosiding PERKEM ke-11*.
- Felix, Y.S. (2017). Muhammad Al-Fatih 1453. Jakarta: Al-Fatih Press.
- Gefen, D. & Straub, D. (2005). A practical guide to factorial validity using PLS Graph: Tutorial and annotated example. *Communication of the Association for Information Systems*, 16: 91-109.
- Goudarzi, N., Salaheddin, E., & Zakarya, A. (2018). The effective factors on improving communication skills between regimental commanders and conscripts at an army introductory Military Training Center. *Annals Of Military & Health Sciences Research*, 14 (1).
- Hair Jr, J., Sarstedt, M., Hopkins, L., & G. Kuppelwieser, V. (2014). Partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM), an emerging tool in business research. *European Business Review*, 26(2), 106-121.
- Hair, J.F., Hult, G.T.M., Ringle, C.M. and Sarstedt, M. (2017). A primer on partial least squares structural equation modeling (PLS-SEM), 2nd ed., SAGE, Thousand Oaks, CA.
- Henseler, J., Ringle, C.M. & Sinkovics, R.R. (2009). The use of partial least squares path modeling in international marketing. *Advances in International Marketing* 20: 277-320.

- Henseler, J. (2010). On the convergence of the partial least squares path modelling algorithm. Springerlink.com Jabatan Arah Infantri. *Laporan Validasi Luaran. Kuala Lumpur*. Kementerian Pertahanan.
- Henseler, J., Ringle, C.M. and Sarstedt, M. (2015). ‘A new criterion for assessing discriminant validity in variance-based structural equation modelling’. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 43 (1), 115-135.
- Johansson, P. (2017). Learning study as a clinical research practice to generate knowledge about the learning of historical primary source analysis. *Educational Action Research*, 25(1), 167-181.
- Kamaruzzaman, A.M., & Che Mahzan, A. (2017). Kepentingan komunikasi dalam latihan. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 4 (1), 2289-7909.
- Khong, C., Lim. (2014). ‘Student-athletes evaluation of coaches coaching competencies and their sport achievement motivation’. *Review of European Studies*, 6(2), pp.17-30.
- Langan, E. (2015). Using multiple-perspective primary sources to enhance pre-service teachers’ understandings. teacher education and practice, 28(4), 617-626.
- Mullen, T. R., Kroutalis, C., Meade, A. W., & Surface, E. A. (2006). Assessing change in perceived organizational support due to training. *The 21st Annual Conference of the Society for Industrial and Organizational Psychology*, Dallas, TX.
- Noe, R.A. (2014). *Employee Training and Development*. Illinois: McGraw-Hill Irwin.
- Noor Azmi, M.Z., Norlaila Mazura, M., Ahmad Azan, R., & Jessica Ong, H.L. (2019). Assessing the effect of training design and training motivation on the job performance. *11th International Conference on Humanities and Social Sciences (ICHSS)*, 1 & 2 Mei 2019, Prince of Songkhla University, Hat Yai, Thailand.
- Patrick, J., Scrase, G., Ahmed, A. & Tombs, M. (2009). Effectiveness of instructor behaviours and their relationship to leadership. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 82, 491-509.
- Radtke, J. V., Tate, J. A., & Happ, M. B. (2012). Nurses’ perceptions of communication training in the ICU. *Intensive and Critical Care Nursing*, 28(1), 16–25. doi:10.1016/j.iccn.2011.11.005.
- Rasidah, R. (2007). Hubungan antara gaya pembelajaran dengan motivasi dalam kalangan pelajar di sebuah Sekolah Menengah Luar Bandar, Sabah. *Tesis Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan)*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ringle C.M., Wende, S. & Will, A. (2005). *SmartPLS 2.0 (Beta)*. Hamburg: SmartPLS. Available at www.smartpls.de.
- Ringle, C.M., Wende, S., & Becker, J. M. (2015). SmartPLS 3. Boenningstedt: SmartPLS GmbH, <http://www.smartpls.com>.
- Roslee, U., & Muazzin, M.M. (2016). Kajian persepsi terhadap kredibiliti jurulatih luar di dalam proses (P&P) di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah. (satu analisa ke atas para pelajar yang mengambil unit

- beruniform Askar Wataniah sesi Disember 2015), *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'16)*.
- Sapie, S., Mohamad Fuad, I., Mohd Kamal, D., & Rekkeman, K. (2014). Tahap Pelaksanaan Pendekatan, Strategi, Kaedah dan Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Latihan Mengajar Menurut Persepsi Guru-Guru Pelatih Fakulti Pendidikan KUIS: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Pendidikan*, 1 (2).
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). Research methods for business: A skill building approach. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Shenge, N. A. (2014). Training evaluation: Process, benefits, and issues. *Ife Psychologia*, 22(1), 50–58.
- Smit, H.A.P., & Merwe, J.H. (2018). Military environmental literacy in the South African Army. *Scientia Militaria, South African Journal Of Military Studies*, 44 (1).
- Suhana, M.L., Sapie, S., Mohamad Fuad, I., Suziana, H.S., & Mohd Faeez, I. (2016). Kesan latihan mengajar terhadap perubahan sikap dari perspektif guru pelatih diploma perguruan. *Conference Paper- International Conference On Islamic Education and Research*.
- Terziev, V., N., & Nichev. (2017). Research of the value orientation and structural peculiarities of management activities of cadets in the course of military professional training. *Proceedings of the VII International Academic Congress 'Fundamental and Applied Studies in EU and CIS Countries'*, 7.
- Yunus, F., & Amin, N. (2015). Pembangunan model pemindahan pembelajaran sistem latihan kemahiran Malaysia berdasarkan National Occupational Skill Standard (Noss). Universiti Kebangsaan Malaysia.